

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE FACTORS OF ATTENDANCE TO “GEMPUR SUBUH PROGRAMME” AN-NUR MOSQUE AMONG THE NAVY PEOPLE RMN LUMUT BASE]

FAKTOR KEHADIRAN PROGRAM GEMPUR SUBUH MASJID AN-NUR DALAM KALANGAN THE NAVY PEOPLE PANGKALAN TLDM LUMUT

NURUL KHAIRIAH KHALID^{1*}
MAZLAH YAACOB¹
AHMAD ROZAINI ALI HASSAN¹
WAN KAMAL NADZIF¹

¹ Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak.

*Corresponding author: nkhairiah@uitm.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

Abstract

Gempur Subuh Program (PGS) is one of the religious programs run by an-Nur Mosque, RMN Lumut Base. The program aims to increase the spirit of worship and spiritual awareness among the Navy people. The objective of this study is to obtain feedback on the attendance of the Navy people for PGS, whether they are willingly present, forced or present due to other reasons. The design of this study is quantitative using descriptive approach. A total of 1087 respondents were selected to answer questionnaires which were distributed online. The data obtained were analyzed using percentage, mean and standard deviation. The findings show that the implementation of PGS has received a good response, with “self-awareness” marks the highest factor for the attendance. Continuous improvements need to be made to further enhance its management and programming.

Keywords: Programme, Gempur Subuh, The navy People, TLDM Base

Abstrak

Program Gempur Subuh (PGS) adalah salah satu program kerohanian bagi aktiviti pengimaran Masjid an-Nur, Pangkalan TLDM Lumut. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan penghayatan ibadah dan keagamaan kepada para anggota. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan maklum balas berkaitan kehadiran anggota ke PGS, sama ada mereka hadir dengan rela hati, terpaksa ataupun hadir atas faktor-faktor lain. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Seramai 1087 responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang diedar secara atas talian. Data-data yang diperolehi telah dianalisis

menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan PGS telah mendapat respon yang baik. Faktor kesedaran sendiri anggota adalah paling tinggi dalam mendorong kehadiran ke PGS. Penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengisian program.

Kata kunci: Program, Gempur Subuh, The Navy People, Pangkalan TLDM

Cite as: Nurul Khairiah Khalid, Mazlah Yaacob, Ahmad Rozaini Ali Hassan & Wan Kamal Nadzif. 2020. Faktor Kehadiran Program Gempur Subuh Masjid An-Nur dalam Kalangan The Navy People Pangkalan TLDM Lumut. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 34-45.

PENGENALAN

Masjid An-Nur Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia merupakan sebuah masjid yang terletak di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak. Masjid an-Nur berada di bawah pengurusan KD Malaya yang dipengerusikan oleh Panglima Pasukan Khas Laut dengan jawatankuasa yang terdiri daripada anggota KAGAT dan TLDM dari pelbagai unit. Kini masjid yang boleh memuatkan seramai 3000 jemaah setiap waktu solat fardu ini dalam proses perluasan dan baikpulih bagi tujuan keselesaan dan menampung jemaah yang lebih ramai pada masa akan datang.

LATAR BELAKANG

Idea pelaksanaan Gempur Subuh ini dicetuskan oleh Mantan Panglima Armada Barat Dato' Seri Panglima Laksamana Madya Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli. Tujuan awal beliau adalah untuk memberi kesedaran kepada anggota Navy supaya mempunyai semangat dan kekuatan dalaman seperti tentera al-Fateh.

Program Gempur Subuh bermula dari solat Maghrib berjemaah hari Khamis, diikuti dengan kuliah Maghrib, Solat Isyak berjemaah dan kemudian pulang untuk tidur. Keesokan paginya jam 4.30 pagi, anggota akan berkumpul di masjid dan menunaikan Solat Tahajud bersendirian, Solat Taubat, Hajat dan Witir secara berjemaah serta Solat Subuh apabila masuk waktu. Program diteruskan dengan Kuliah Subuh selama lebih kurang 45 minit- 1 jam oleh penceramah dalaman ataupun jemputan luar.

Bagi kehadiran peserta untuk program Gempur Subuh ini, penggiliran kehadiran adalah mengikut markas-markas yang telah ditetapkan dalam pekeliling Panglima Bantuan. Markas-markas tersebut terdiri daripada Markas Pangkalan Lumut, Markas Armada Barat, Markas Logistik Barat, Markas Pendidikan dan Latihan. Setiap Markas akan terlibat dengan semua anggota the Navy People adalah digalakkan hadir setiap minggu bagi yang tiada tugasan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Anggota tentera di seluruh dunia sememangnya terkenal dengan aspek disiplin dan kepatuhan pemerintah. Setiap anggota dimestikan untuk mempamerkan tahap disiplin yang tinggi kerana ia merupakan tonggak utama profesion ketenteraan. Oleh yang demikian, kadang kala terdapat arahan dari pihak atasan yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan meskipun kadangkala ianya bertentangan dengan kehendak anggota itu sendiri.

Bagi Pangkalan TLDM Lumut, antara aktiviti kerohanian utama yang dijalankan adalah Gempur Subuh melalui Pengarahan Pekeliling Panglima Markas Bantuan. Setiap unit perlu memastikan kehadiran warga tertentu ke PGS. Dengan demikian, bilangan yang hadir sudah semestinya ramai. Namun tidak diketahui sama ada kehadiran mereka ini secara rela ataupun terpaksa, dan sekiranya tiada pengarahan dibuat adakah bilangan yang hadir akan sama dengan rutin yang berlaku sekarang.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penyertaan anggota ke Program Gempur Subuh. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu usaha penambahbaikan berterusan pihak pengurusan dalam menganjurkan program-program kerohanian demi meningkatkan motivasi, akhlak dan sahsiah anggota dalam seluruh sistem.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Literatur

Institusi masjid merupakan pusat tarbiah yang paling awal dalam tamadun Islam. Pengasasan Masjid Quba dan seterusnya Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah SAW telah menyediakan satu ruang institusi pendidikan buat masyarakat awal tersebut melalui halaqah ilmu yang dikendalikan oleh baginda sendiri bagi menyampaikan wahyu Allah kepada kaum muslimin. (Mustafa Hj Daud,2001). Seterusnya pembinaan masjid terus berkembang pada zaman Khulafa` al-Rasyidin. Masjid-masjid turut dibangunkan bukan sahaja sebagai tempat ibadat tetapi bagi tujuan mengadakan majlis-majlis ilmu di dalamnya. (Ahmad Shalaby,h.48 :1954). Kajian Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorashikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar dan Zamri Arifin (2010) terhadap peranan Masjid As Syafaah Senbawang di Singapura amat signifikan dalam membangunkan masyarakat Islam di sekitarnya. Ia telah menjadi tempat masyarakat melakukan aktiviti sosial yang bermoral, pusat pendidikan bagi masyarakat Melayu-Islam, malahan kelas pendidikan Islam yang dibuka di masjid tersebut turut di sertai oleh masyarakat non-muslim. Bagi memperluas perannya dalam mendidik masyarakat pihak masjid turut menerbitkan buku Hadis. Selain itu masjid perlu diperkasakan pengimarahannya menerusi solat berjemaah. Pengurusan masjid harus memainkan peranan yang bersungguh-sungguh bagi menarik masyarakat agar datang berjemaah di masjid kerana ia adalah perintah yang amat serius daripada Nabi Muhammad SAW hatta terhadap seorang sahabat yang buta sekali pun. Begitu juga kajian Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah, Madiha Mohd Ibrahim dan Shahril Fazli Mat Husin (2014) ke atas 1000 orang mahasiswa UUM

juga mendapati peratusan pelajar yang menunaikan solat berjemaah adalah rendah iaitu sekitar 13.8% sahaja. Kajian ini turut mendapati faktor lokasi masjid yang jauh daripada tempat penginapan turut mempegaruhi kadar pengimarahannya di kalangan mahasiswa. Napisah Hj Humni, Salehuddin Hj Sabar, Mahadi Hj Khalid dan Mohamad Razi Mohd Suradi (2004), mendapati bacaan imam yang baik, pengaruh rakan-rakan serta amalan-amalan dalam keluarga menjadi faktor pendorong yang penting mempengaruhi amalan solat berjemaah dalam kalangan responden beliau.

Yusmini dan Mohd Anwarulhaq (2004) membuat satu kajian mengenai maklum balas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid negeri di Semenanjung Malaysia mendapati maklum balas masyarakat terhadap program anjuran masjid-masjid di Semenanjung Malaysia berada pada tahap memuaskan berdasarkan peningkatan positif tahap kefahaman responden sebelum dan selepas menyertai program. Maklum balas yang sama di perolehi oleh Fakhrol Adabi Abdul Kadir (2008) membuat satu kajian mengenai keberkesanan kelas agama di masjid-masjid sekitar daerah Hulu Langat Selangor mendapati kelas-kelas pengajian di masjid-masjid di daerah Hulu Langat telah menyumbang kepada pemantapan akidah, peningkatan kualiti ibadah, kefahaman yang lebih baik mengenai akhlak, isu semasa, pendidikan anak-anak, cabaran akhlak remaja, pengurusan kewangan mengikut cara Islam serta memahami dengan lebih baik tanggungjawab dalam kehidupan. Kelas-kelas pengajian yang dianjurkan oleh pihak masjid juga berjaya meningkatkan amalan berkasih sayang dalam rumahtangga dan masyarakat. Mazanah Muhammad dan G.L Carter (2000) menyatakan bahawa orang-orang dewasa akan mempelajari sesuatu yang mereka perlukan pada sesuatu masa. Ianya samada mencari sesuatu yang baru atau melengkapkan ilmu yang terkurang pada zaman muda atau remaja mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data. Reka bentuk kajian ini adalah untuk meninjau perkara-perkara berikut:

- a) Demografi responden PGS
- b) Faktor kehadiran responden ke PGS

Kajian ini melibatkan anggota TLDM yang terdiri daripada pelbagai peringkat pangkat yang dipilih sebagai responden kajian bagi menjawab instrumen soal selidik. Soal selidik ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang mendorong responden untuk hadir ke program ini.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di unit-unit dalam Pangkalan TLDM Lumut yang merangkumi empat buah markas pemerintahan. Bagi mewakili populasi kajian responden telah dipilih dari setiap markas sebagai responden kajian. Pemilihan responden ditentukan oleh pihak TLDM berdasarkan bilangan yang diperlukan sebagai bilangan responden kajian. Lokasi kajian ini bersesuaian dengan populasi kajian kerana batasan kajian yang memfokuskan kajian di Pangkalan TLDM Lumut.

Berikut adalah senarai lokasi kajian seperti di Jadual:

Jadual 3.2 Senarai Nama Unit Kajian

Nama Unit
Markas Armada Barat
Markas Pemerintahan
Markas Logistik Barat
Markas Pangkalan Lumut

Kajian ini akan melibatkan 1087 orang anggota yang berada di Pangkalan TLDM Lumut untuk menjawab borang soal selidik. Kajian ini tidak melibatkan anggota penjawat awam yang berkhidmat dalam Pangkalan ini.

HASIL KAJIAN

Dapatan kajian dan hasil ujian yang dibuat meliputi demografi dan analisis deskriptif dan analisis inferens. Manakala analisis yang melibatkan statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjelaskan profil responden untuk menjawab persoalan kajian.

Profil sampel yang diperoleh dalam kajian ini merujuk kepada aspek utama tentang latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu latar belakang demografi dan faktor kehadiran warga The Navy People.

Demografi

Latar belakang demografi responden difokuskan kepada faktor tempat khidmat dan lokasi tempat tinggal,

Jadual 3.2: Profil sampel mengikut pecahan tempat khidmat dan faktor lokasi tempat tinggal

Faktor	Kategori	Kekerapan	Peratus
Tempat Khidmat	Markas Armada Barat	321	29.5
	Markas Pemerintahan dan Pendidikan Latihan	464	42.7
	Markas Logistik Barat	144	13.2
	Markas Pangkalan Lumut	158	14.5
Lokasi Tinggal	Tempat Dalam Pangkalan	795	73.1
	Luar Pangkalan	292	26.9
Jumlah		1087	100.0

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas menunjukkan tempat-tempat bertugas responden di Pangkalan TLDM Lumut, seramai 464 anggota sebagai responden (42.7%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pemerintahan dan pendidikan Latihan, seramai 321 anggota sebagai responden (29.5%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pemerintahan Markas Armada Barat. Manakala seramai 158 anggota sebagai responden (14.5%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Pangkalan Lumut dan seramai 144 anggota sebagai responden (13.2%) adalah terdiri dari pegawai dan anggota yang bertugas di Markas Logistik Barat. Manakala faktor lokasi tempat tinggal responden, seramai 795 anggota (73.1%) tinggal di dalam pangkalan, 292 anggota (26.9%) tinggal di luar pangkalan. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah seramai 1087 anggota (100%).

4.2. Faktor Kehadiran Warga The Navy People Terhadap PGS

Perincian analisis terhadap faktor kehadiran warga The Navy People adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.2: Profil sampel terhadap faktor kehadiran warga The Navy People terhadap PGS

Kod	Item	STB	TB	KB	B	SB	Min	SP	Thp
B1	Bersesuaian	11 (1%)	10 (0.9%)	78 (7.2%)	773 (71.1%)	215 (19.8%)	4.0773	.6259 5	(T)
B2	Berkaitan	19 (1.7%)	33 (3.0%)	158 (14.5%)	737 (67.8%)	140 (12.9%)	3.8703	.7325 1	(T)
B3	Ikhlas	26 (2.4%)	21 (1.9%)	138 (12.7%)	667 (61.4%)	235 (21.6%)	3.9788	.7973 9	(T)
B4	Rela	22 (2.0%)	37 (3.4%)	159 (14.6%)	649 (59.7%)	220 (20.2%)	3.9273	.8138 2	(T)
B5	Seronok	19 (1.7%)	29 (2.7%)	157 (14.4%)	690 (63.5%)	192 (17.7%)	3.9264	.7617 2	(T)
B6	Ganti	49 (4.5%)	89 (8.2%)	300 (27.6%)	527 (48.5%)	122	3.5373	.9529 6	(S)

						(11.2%)			
B7	Arahan	53 (4.9%)	118 (10.9%)	298 (27.4%)	503 (47.3%)	115 (10.6%)	3.4683	.9854 6	(S)
B8	Tanpa Arahan	24 (2.2%)	46 (4.2%)	173 (15.9%)	679 (62.5%)	165 (15.2%)	3.8418	.8090 1	(T)
B9	Perintah Ttp	26 (2.4%)	63 (5.8%)	212 (19.5%)	705 (64.9%)	81 (7.5%)	3.6918	.7888 2	(S)
B10	Ajakan	79 (7.35)	239 (22.0%)	467 (43.0%)	279 (25.7%)	23 (2.1%)	2.9338	.9210 2	(S)
B11	Positif	36 (3.3%)	97 (8.9%)	269 (27.7%)	609 (56.0%)	76 (7.0%)	3.5446	.8750 6	(S)
B12	Malu	155 (14.3%)	339 (31.2%)	408 (37.5%)	165 (15.2%)	20 (1.8%)	2.5915	.9703 9	(S)
B13	Timba Ilmu	14 (1.3%)	15 (1.4%)	60 (5.5%)	701 (64.5%)	297 (27.3%)	4.1518	.6906 1	(T)
B14	Kurang Ilmu	11 (1.0%)	23 (2.1%)	85 (7.8%)	727 (66.9%)	241 (22.2%)	4.0708	.6863 2	(T)
B15	Manfaat	11 (1.0%)	12 (1.1%)	78 (7.2%)	684 (62.9%)	302 (27.8%)	4.1536	.6794 4	(T)
B16	Elak Tindakan	61 (5.6%)	157 (14.4%)	305 (28.1%)	449 (41.3%)	115 (10.6%)	3.3680	1.034 76	(S)
B17	Jamuan	184 (16.9%)	312 (28.7%)	374 (34.4%)	190 (17.5%)	27 (2.5%)	2.5989	1.038 45	(S)
B18	Prestasi Tahunan	59 (5.4%)	109 (10.0%)	303 (27.9%)	524 (48.2%)	92 (8.5%)	3.4425	.9711 1	(S)
B19	Kenaikan Pangkat	93 (8.6%)	155 (14.3%)	443 (40.8%)	350 (32.2%)	46 (4.2%)	3.0929	.9840 4	(S)
B20	Galakan	63 (5.8%)	130 (12.0%)	345 (31.7%)	481 (44.3%)	68 (6.3%)	3.3321	.9668 1	(S)
	Keseluruhan						3.6	.45	(S)

T= Tinggi, S= Sederhana, R= Rendah

Jadual 4.4 menunjukkan sembilan item mempunyai skor min yang tinggi iaitu item B1 (Nama PGS bersesuaian dengan kandungan program, min=4.07, sp=0.625), item B2 (Pengisian PGS berkaitan dengan kerjaya saya, min=3.87, sp=0.732), item B3 (Saya ikhlas hadir ke PGS, min=3.97, sp=0.797), item B4 (Saya hadir dengan rela hati, min=3.93, sp=0.813), item B5 (Saya berasa seronok hadir PGS, min=3.92, sp=0.761), item B8 (Saya boleh hadir tanpa arahan, min=3.84, sp=0.809), item B14 (Saya hadir PGS untuk menimba ilmu, min=4.15, sp=0.690), item B15 (Saya hadir PGS kerana merasakan kurang ilmu, min=4.07, sp=0.686) dan item B16 (Saya mendapat banyak manfaat ilmu daripada PGS, min=4.15, sp=0.679).

Item-item yang lain mempunyai skor min yang sederhana iaitu item B6 (Saya sedia mengganti tempat anggota lain ke PGS, min=3.53, sp=0.952), item B7 (Saya hadir PGS kerana arahan, min=3.46, sp=0.985), item B9 (Saya memeriksa perintah tetap pasukan untuk PGS, min=3.69, sp=0.788), item B10 (Saya hadir PGS kerana ajakan rakan, min=2.93, sp=0.921), item B11 (Saya hadir PGS kerana maklum balas positif rakan, min=3.54, sp=0.875), item B12 (Saya hadir PGS kerana malu kepada rakan-rakan, min=2.59, sp=0.970), item B16 (Saya hadir PGS untuk elakkan tindakan tatatertib, min=3.36, sp=1.034), item B17 (Saya hadir kerana selepas PGS disediakan jamuan, min=2.59, sp=1.034), item B18 (Saya merasakan kehadiran ke PGS memberi kesan kepada penilaian prestasi tahunan, min=3.44, sp=0.971), item B19 (Saya merasakan kehadiran ke PGS memberi kesan kepada penilaian kenaikan pangkat, min=3.09, sp=0.984) dan item B20 (Saya hadir PGS atas galakan pegawai atasan, min=3.33, sp=0.966).

Analisis deskriptif bagi konstruk pada bahagian B adalah berkaitan dengan faktor kehadiran responden terhadap PGS. Bagi menilai tahap-tahap tersebut item-item dibentuk untuk mengenal pasti apakah yang mendorong mereka untuk hadir ke PGS bagi keseluruhan program. Item B1 hingga item B5 adalah berkaitan dengan motivasi dalaman dan luaran, item B6 hingga B9 adalah pengarahannya untuk hadir, item B10 hingga B12 melihat kepada pengaruh rakan, item B13 sehingga B15 berkaitan dengan ilmu, B16 pula berkaitan dengan hukuman dan B17 hingga B20 adalah bagi mengukur faktor ganjaran dalam kehadiran anggota ke PGS.

Nama yang baik menjadi identiti dan kebanggaan sesuatu organisasi. Peratusan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju bahawa nama program ini sesuai dengan nama Gempur Subuh ialah 90.9%. Mereka yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju pula sekitar 1.9% manakala selebihnya iaitu hampir 7.2% adalah mereka yang kurang bersetuju dengan perkataan tersebut. Berdasarkan analisis kajian menunjukkan nama Gempur Subuh ini sangat disukai oleh para anggota. Hal ini berkemungkinan dilihat sesuai dengan imej tentera yang berjihad melawan keseronokan untuk tidur sebaliknya bersama-sama mendirikan solat malam sehingga ke waktu Subuh. Pihak TLDM adalah organisasi pertama yang menggunakan istilah ini dan kini mula menjadi ikutan pihak luar yang mengikut jejak langkah TLDM dalam menjalankan program yang sama.

Kandungan program ini juga disertai tazkirah yang turut menyentuh kerjaya anggota dalam kehidupan seharian. Bersetuju dan sangat bersetuju dengan pengisian PGS yang berkaitan kerjaya sekitar 80.7%, manakala tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap PGS dengan kaitan kerjaya sebanyak 4.3% dan selebihnya adalah 15% dengan kurang bersetuju.

Mengikhlasakan diri dalam melakukan ibadah adalah antara syarat sesuatu amalan itu diterima oleh Allah. Di dalam Surah al-Bayyinah: 5, وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيُعْبَدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ bermaksud: "Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keta'atan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus". Ikhlas adalah berkait dengan amalan hati dan keimanan kepada Allah. Bagi kehadiran ke PGS ini Sangat bersetuju dan bersetuju ikhlas terhadap kehadiran mereka mencatatkan 83%. Sebaliknya, peratusan untuk sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju ikhlas ialah 4.3%. Selebihnya iaitu 12.7% adalah untuk mereka yang kurang bersetuju.

Apabila sesuatu amalan itu dilakukan dengan ikhlas, maka secara tidak langsung akan melahirkan perasaan rela hati serta rasa seronok dalam beribadah. Peratusan responden yang

bersetuju dan sangat bersetuju hadir dengan rela hati ialah 79.9%. Sebaliknya, mereka yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju hadir dengan rela hati ialah 5.4%. Manakala mereka yang kurang bersetuju rela hati ialah 14.6%. Bagi mereka yang sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka seronok menghadirkan diri ke PGS adalah 81.2% dan didapati hanya 4.4% responden mengakui bahawa mereka sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju berbuat demikian. Manakala selebihnya iaitu 14.4% yang kurang bersetuju bahawa mereka seronok hadir dengan PGS. Skor yang tinggi untuk beberapa item ini juga menunjukkan responden ikhlas dan boleh hadir tanpa paksaan dari pihak atasan ke PGS.

Disebabkan kehadiran ini sudah ditetapkan, maka bolehlah dikatakan bahawa tidak semua kehadiran ke program-program kerohanian ini bersifat rela hati. Bahkan mungkin ada yang hadir kerana terpaksa dan jika diberi pilihan, berkemungkinan tidak akan hadir. Hal ini seringkali dilihat normal bagi program-program yang bersifat keagamaan ataupun ilmiah dalam masyarakat kini. Meskipun program ini bersifat paksaan pada awalnya, namun ianya boleh dikira sebagai sebahagian daripada latihan. Menurut Abdul Ghafar Bin Haji Don, Ab. Halim Bin Tamuri, Supyan Bin Hussin, Mohd Aderi Bin Che Noh (2015), bagi sesebuah organisasi, latihan yang berterusan akan mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta imej organisasi.

Seterusnya 59.7% responden berada dalam kategori bersetuju dan sangat bersetuju untuk menggantikan orang lain menghadiri PGS. Sebaliknya, 12.7% adalah kategori tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Ini menunjukkan mereka tidak sanggup menggantikan orang lain hadir PGS. Selebihnya iaitu 27.6% mengatakan bahawa mereka kurang bersetuju menggantikan orang lain mengikuti program berkenaan. Diperhatikan juga bahawa 57.9% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka hadir PGS dengan arahan dari pihak atasan. Manakala 15.8% adalah mereka yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju hadir dengan arahan. Selebihnya iaitu 27.4% adalah mereka yang kurang bersetuju hadir dengan arahan. Peratus responden yang bersetuju dan sangat bersetuju untuk hadir tanpa arahan ialah sebanyak 77.7%. Manakala responden yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju hadir tanpa arahan adalah 6.6%. Majoriti responden (72.4%) pula sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka memeriksa terlebih dahulu Perintah Tetap Pasukan (PTP) dan sebilangan kecil tidak memeriksa terlebih dahulu PTP iaitu 8.3% sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju, adalah, manakala selebihnya kurang bersetuju dengan memeriksa PTP terlebih dahulu adalah 19.5%. Jika dilihat kepada ajakan rakan ke PGS, mereka kurang bersetuju dengan 25.7%. Manakala 27.8% bahawa mereka sangat bersetuju dan bersetuju. Sebaliknya mereka melihat kurang bersetuju bahawa ajakan rakan menyumbang kepada 29.35%.

Bagi item “Saya hadir kerana maklum balas yang positif daripada rakan-rakan”, yang bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 63%. Manakala sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju sebanyak 12.2%, selebihnya pula kurang bersetuju iaitu sebanyak 27.7%. Bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka malu dengan rakan yang menyebabkan mereka hadir adalah sekitar 17%, bagi tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa mereka hadir dengan sebab malu kepada rakan adalah sebanyak 45.5%. Manakala 37.5% adalah yang kurang bersetuju bahawa hadir kerana malu kepada rakan.

Sebanyak 91.8% sangat bersetuju dan bersetuju bahawa kehadiran mereka adalah bertujuan menimba ilmu, manakala sekitar 2.7% bahawa sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju hadir untuk timba ilmu dan selebihnya iaitu 5.5% pula kurang bersetuju. Merasakan

kurangnya ilmu dengan 89.1% menyebabkan mereka bersetuju dan sangat bersetuju. Seterusnya hanya 3.1% sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju bahawa mereka hadir sebab kurangnya ilmu manakala selebihnya 7.8% adalah kurang bersetuju. Bagi mereka PGS adalah sangat bermanfaat dengan bersetuju dan sangat bersetuju iaitu 90.7%. 2.1% berpendapat tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa PGS memberi manfaat dan selebihnya kurang bersetuju PGS memberi manfaat dengan 7.2%.

Ada yang bersetuju dan sangat bersetuju bahawa kehadiran mereka adalah untuk mengelakkan tindakan diambil terhadap mereka 51.9%, sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan 20.0% manakala selebihnya 28.1% adalah kurang bersetuju. Juga terdapat 20.0% mengakui bersetuju dan sangat bersetuju bahawa kehadiran mereka adalah kerana terdapat jamuan disediakan oleh pihak masjid. Tetapi 45.6% sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju apabila dikaitkan kehadiran mereka dikaitkan dengan jamuan yang disediakan. Manakala 34.4% kurang bersetuju jamuan menjadi faktor kehadiran mereka.

Terdapat 56.7% bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju bahawa kehadiran mereka mempengaruhi laporan prestasi tahunan, manakala 15.4% tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan kehadiran mempengaruhi laporan prestasi dan selebihnya iaitu 27.9% kurang bersetuju. Begitu juga bahawa sebanyak 36.4% bersetuju dan sangat bersetuju kehadiran mereka dengan PGS mempengaruhi dengan kenaikan pangkat dan 22.9% tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Manakala 40.8% menyatakan mereka kurang bersetuju. Galakkan pegawai atasan amat mempengaruhi kehadiran mereka dengan 50.6% bersetuju dan sangat bersetuju, manakala 17.8% sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan faktor ini dan selebihnya iaitu 31.7% kurang bersetuju bahawa galakkan pegawai mempengaruhi kehadiran mereka.

Rumusannya, antara faktor kehadiran anggota ke Program Gempur Subuh ialah faktor kesedaran sendiri (item B1,B2,B3,B4,B5,B6,B9, B13, B14 dan B15), arahan ketua (item B7, B16 dan B20), persekitaran sosial (item B10,B11 dan B12), motivasi kerjaya (item B18 dan B19) serta lain-lain manfaat iaitu faktor jamuan yang disediakan selepas program (item B17). Skor bagi nilai min bagi bahagian ini ialah pada skala sederhana iaitu 3.6.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati beberapa faktor utama yang mendorong anggota The navy People hadir ke Program Gempur Subuh. Faktor yang pertama ialah kesedaran sendiri anggota. Faktor ini berdasarkan penilaian responden terhadap kesesuaian nama program GS, pengisian program GS adalah bersesuaian, hadir dengan perasaan rela hati, seronok dan ikhlas, menyedari program GS bermanfaat, menyedari masih kurang ilmu serta ingin menimba ilmu. Kesedaran sendiri juga mendorong anggota sentiasa memeriksa perintah tetap pasukan untuk menghadiri program GS. Selain itu anggota yang mempunyai kesedaran sendiri sanggup menggantikan anggota lain untuk hadir ke program GS. Faktor kesedaran sendiri merupakan faktor yang paling tinggi mencapai skor min berskala tinggi bagi semua item yang berkaitan. Skor min paling tinggi yang mendorong penyertaan anggota ialah kesedaran untuk menimba ilmu dengan nilai purata min 4.15, merasakan program GS adalah bermanfaat dengan nilai purata min 4.15, diikuti oleh .nama program yang sesuai dengan pengisiannya yang mendapat skor min 4.07 serta faktor kekurangan ilmu juga memperoleh nilai purata min 4.07.

Faktor kedua ialah arahan daripada ketua atau pihak atasan di bahagian khidmat. Faktor ini berdasarkan penilaian responden terhadap item hadir dengan arahan ketua atau pihak atasan tempat khidmat mendapat skor sederhana dengan purata min 3.46 ,hadir kerana ingin mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan tatatertib mencapai min 3.36 iaitu sederhana dan juga hadir atas galakan pegawai atasan mendapat nilai purata min3.31 iaitu sederhana.

Faktor ketiga ialah persekitaran sosial juga mempengaruhi kehadiran anggota ke program GS. Antara yang mempengaruhi ialah ajakan rakan-rakan, maklum balas positif daripada rakan-rakan yang hadir ke program GS. Perasaan malu atau segan kepada rakan-rakan juga telah mendorong kehadiran anggota. Kesemua item yang terdapat dalam faktor persekitaran sosial mencapai skor sederhana. Ini menunjukkan faktor luaran tidak menjadi punca utama kehadiran anggota ke program GS.

Faktor keempat ialah motivasi kerjaya di mana terdapat sebilangan responden yang hadir ke program GS kerana percaya ianya memberi kesan terhadap penilaian prestasi tahunan serta penilaian dalam kenaikan pangkat .Semua item bagi faktor ini juga mencapai skor sederhana dalam mempengaruhi kehadiran anggota ke program GS.

Faktor kelima ialah lain-lain manfaat yang boleh diperolehi. Item yang disediakan ialah jamuan yang disediakan kepada anggota setiap kali selesai program GS. Faktor ini mencapai skor sederhana paling rendah iaitu dengan nilai purata min 2.59. Ini menunjukkan kematangan anggota yang hadir bukan disebabkan oleh adanya jamuan makan yang disediakan. Akan tetapi jamuan makan bukan faktor tidak penting kerana kajian ini turut mendapati komen daripada responden bahawa makanan yang disediakan adakalanya tidak mencukupi.

Kesimpulannya berdasarkan kelima-lima faktor di atas, faktor kesedaran dalaman yang ada pada warga The Navy People menjadi faktor yang paling utama mendorong kehadiran ke program GS. Walau pun begitu, faktor-faktor lain juga tidak boleh dianggap remeh kerana ia turut menjadi sebab yang mendorong kepada kehadiran. Ini bermakna gabungan dan pementapan semua faktor harus dilakukan agar program ini lebih berjaya mencapai objektifnya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abd, F.A., (2008) Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25 (25). pp. 73-88.)
- Ahmad Shalaby (1954). *History of Muslim Education*. Lubnan: Dar al-Kashashaf.
- Ahmad, S., Don, Y.,Wan Abdullah, W.A.R.K., Mohd Ibrahim, M., dan Mat Husin, S.F. Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar UUM. In: 2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR 2014), 9 - 10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Daud, M. (2001). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Humni, N., Sabar,S., Khalid,M., dan Mohd Suradi, MR., (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu di Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan. MPBL. Jilid 5*
- Jamsari, E.A. Tumiran,S.N.,Abu Bakar, A., dan Arifin, Z., (2010).Peranan Dan Sumbangan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu

- Kajian di Masjid Assyafaah, Senbawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31-44
- Md. Yusoff, Y., Sulaiman, M.A., 2004. Kajian Tentang Maklum balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 20(20): 201-222.
- Muhammad, M., Carter, G.L.(2000). Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa. Kuala Lumpur: Utusan Publication